



GARIS PANDUAN DAN KRITERIA KENAIKAN PANGKAT GURU BAHASA (EDISI 2022)

ISI KANDUNGAN

1.0	Pengenalan	2
2.0	Syarat-Syarat Kenaikan Pangkat Mengikut Skim Perkhidmatan	3
3.0	Prosedur Permohonan	5
4.0	Tahap Kecemerlangan Akademik	6
5.0	Proses Tapisan	7
6.0	Jawatankuasa Pilih Dan Pihak Berkuasa Meluluskan Kenaikan Pangkat	10
7.0	Senarai Rujukan	10
	Lampiran A – Kriteria Kenaikan Pangkat Guru Bahasa (DG)	11
	Lampiran B - Taburan Markah Dan Cara Menilai Bagi Kriteria Sahsiah	15
	Lampiran C – Carta Alir Proses Permohonan Kenaikan Pangkat Guru Bahasa	16
	Lampiran D – Format <i>Curriculum Vitae</i> (CV)	19
	Lampiran E – Contoh Surat Permohonan Kenaikan Pangkat Guru Bahasa	20

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Dokumen ini menggariskan polisi dan prosedur bagi urusan kenaikan pangkat Guru Bahasa di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang meliputi kenaikan pangkat di dalam kategori-kategori berikut :-
 - (a) Kenaikan pangkat jawatan Guru Bahasa Gred DG41 ke jawatan Guru Bahasa Gred DG44;
 - (b) Kenaikan pangkat jawatan Guru Bahasa Gred DG44 ke jawatan Guru Bahasa Gred DG48; dan
 - (c) Kenaikan pangkat jawatan Guru Bahasa Gred DG48 ke jawatan Guru Bahasa Gred DG52.
 - (d) Kenaikan pangkat jawatan Guru Bahasa Gred DG52 ke jawatan Guru Bahasa Gred DG54.
- 1.2 Polisi ini tidak terpakai kepada Guru Bahasa bertaraf kontrak, sementara dan sambilan.
- 1.3 Kriteria kenaikan pangkat yang digariskan dalam polisi ini adalah berdasarkan kepada Skim Perkhidmatan Guru Bahasa di bawah Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia (kuat kuasa mulai 1 Julai 2016), Peraturan-peraturan Universiti Malaysia Terengganu (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penempatan Perkhidmatan Pegawai) 2015, Perlembagaan UMT dan syarat-syarat tambahan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMT dari semasa ke semasa.

2.0 SYARAT-SYARAT KENAIKAN PANGKAT MENGIKUT SKIM PERKHIDMATAN

- 2.1 Kenaikan pangkat Guru Bahasa tidak berdasarkan kepada kekosongan jawatan kerana gred skim perkhidmatan tersebut telah ditukar kepada gred fleksi.
- 2.2 Kenaikan pangkat hendaklah berasaskan kepada tahap prestasi kerja dan kecemerlangan akademik yang telah dicapai oleh Guru Bahasa sebagaimana yang ditetapkan di dalam Skim Perkhidmatan Guru Bahasa (sepertimana di para 2.3), Peraturan-peraturan Universiti Malaysia Terengganu (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penempatan Perkhidmatan Pegawai) 2015, Perlembagaan UMT dan syarat-syarat tambahan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMT dari semasa ke semasa.
- 2.3 Peruntukan syarat-syarat kenaikan pangkat di dalam Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia (kuat kuasa mulai 1 Julai 2016) adalah seperti berikut :-
 - 2.3.1 Guru Bahasa Gred DG41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Guru Bahasa Gred DG44 yang kosong apabila telah:-
 - (i) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (ii) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (iii) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (iv) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
 - 2.3.2 Guru Bahasa Gred DG44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Guru Bahasa Gred DG48 yang kosong apabila telah:-
 - (i) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (ii) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (iii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
 - 2.3.3 Guru Bahasa Gred DG48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Guru Bahasa Gred DG52 yang kosong apabila telah:-
 - (i) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (ii) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (iii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
 - 2.3.4 Guru Bahasa Gred DG52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Guru Bahasa Gred DG54 yang kosong apabila telah:-

- (i) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (ii) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (iii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

2.4 Selain itu, Guru Bahasa juga perlulah memenuhi beberapa syarat-syarat kenaikan pangkat seperti yang dinyatakan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2009, seperti berikut :-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu Laporan Nilai Prestasi Tahunan yang baik (80% dan ke atas) bagi tempoh 3 tahun terakhir dengan wajaran seperti berikut :-

Tahun III	45%
Tahun II	35%
Tahun I	20%

- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan / Dekan;
- (d) bebas daripada hukuman tatatertib;
- (e) telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- (f) lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- (g) bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan;

2.5 Mengikut Peraturan 39 (1), Peraturan-peraturan Universiti Malaysia Terengganu (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penempatan Perkhidmatan Pegawai) 2015, asas kenaikan pangkat adalah berdasarkan merit.

2.6 Manakala Peraturan 39 (2) pula menyatakan bahawa di dalam mempertimbangkan seseorang pegawai bagi kenaikan pangkat/lantikan, Lembaga Kenaikan Pangkat/Lantikan hendaklah mengambil kira :-

- (a) kecekapan dan prestasi kerja pegawai tersebut;
- (b) kelayakan, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pegawai tersebut;
- (c) sifat-sifat peribadi, termasuk kesesuaiannya dengan jawatan kenaikan pangkat, keutuhan, potensi dan kepimpinan pegawai tersebut; dan
- (d) kegiatan luar dan sumbangan pegawai kepada negara dan masyarakat.

2.7 Peraturan 39 (4) pula menyatakan bahawa, walau apa pun peraturan 37 (1), jika dua atau lebih pegawai diputuskan sama dari segi merit, kelayakan akademik atau pengalaman kerja berkaitan dengan jawatan kenaikan pangkat di samping kekananan pegawai itu hendaklah juga dijadikan asas bagi pemilihan dan diberi pertimbangan.

- 2.8 Menurut Peraturan 43(1), tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat ditetapkan seperti berikut :-
- (a) Tertakluk kepada sub peraturan (2) dan (3), tarikh kenaikan pangkat seseorang pegawai ialah tarikh yang ditentukan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat.
 - (b) Tarikh kenaikan pangkat ke gred tidak boleh lebih awal daripada tarikh kekosongan atau tarikh pegawai layak dinaikkan pangkat mengikut skim perkhidmatannya, yang mana terkemudian.
 - (c) Bagi kenaikan pangkat ke jawatan, kecuali jika skim perkhidmatan tidak mensyaratkan sesuatu kenaikan pangkat adalah tertakluk kepada kekosongan jawatan, tarikh kenaikan pangkat tidak boleh lebih awal daripada tarikh pegawai itu diluluskan memegang jawatan itu atau pada tarikh jawatan hakiki itu kosong, yang mana terkemudian.
 - (d) Bagi maksud peraturan ini :-
 - (i) "kenaikan pangkat ke gred" ialah kenaikan pangkat ke mana-mana gred dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan; dan
 - (ii) "kenaikan pangkat ke jawatan" ialah kenaikan pangkat ke mana-mana jawatan dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.
- 2.9 Menurut Peraturan 44 (1), gaji yang diterima oleh seseorang pegawai yang dinaikkan pangkat hendaklah lebih tinggi daripada gaji akhir yang diterima dalam gred terdahulu.

3.0 PROSEDUR PERMOHONAN

- 3.1 Kenaikan pangkat Guru Bahasa bukan secara automatik. Permohonan untuk pertimbangan kenaikan pangkat Guru Bahasa adalah terbuka untuk sepanjang tahun. Namun, kekerapan urusan kenaikan pangkat bagi satu-satu tahun akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Penapis Kenaikan Pangkat Akademik (JKPA), Universiti Malaysia Terengganu. Pihak Universiti akan memaklumkan tarikh – tarikh mesyuarat bagi urusan kenaikan pangkat.
- 3.2 Pemohon yang hendak memohon mestilah seorang Guru Bahasa di UMT yang telah disahkan dalam jawatan dan perkhidmatan.
- 3.3 Bagi membolehkan pemohon layak memohon, pemohon hendaklah memenuhi tempoh perkhidmatan di dalam jawatan yang berkenaan seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran A**. Namun, pemohon boleh mengurangkan tempoh perkhidmatan minimum tersebut (kaedah 'fast-track') sekiranya memiliki kriteria yang dinyatakan di lampiran tersebut.

- 3.4 Pemohon-pemohon hendaklah bebas (lulus) tapisan keutuhan keselamatan yang akan dilaksanakan oleh Badan Pencegah Rasuah, tidak dikenakan hukuman tatatertib dan telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa semasa mengemukakan permohonan.
- 3.5 Pegawai yang sedang Cuti Belajar tetapi telah memenuhi syarat kenaikan pangkat adalah layak untuk memohon. Walau bagaimanapun, urusan kenaikan pangkat akan ditangguhkan sehingga pemohon lulus pengajian dan tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat akan ditentukan oleh pihak berkuasa melantik.
- 3.6 Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan dan Dekan/Pengarah pada bila-bila masa setelah memenuhi syarat kelayakan. Pemohon-pemohon perlu mengemukakan salinan dokumen seperti berikut (yang telah disahkan) bersama-sama dengan surat permohonan :-
- (a) Biodata diri (curriculum vitae) lengkap dan terkini;
 - (b) Sijil kelayakan akademik dan sijil/dokumen sokongan lain (artikel, bahan penerbitan dan lain-lain);
 - (c) Borang tapisan keutuhan;
 - (d) Surat pengisytiharan harta (sah dalam tempoh 5 tahun);
 - (e) Surat Akuan Pinjaman Pendidikan Institusi / Tabung Pendidikan; **dan**
 - (f) Senarai Tugas Sedia Ada.
- *Pemohon tidak perlu mengemukakan salinan Kad Pengenalan/Kad Pegawai*
- 3.7 Bagi pemohon yang gagal dalam permohonan kenaikan pangkat, Pendaftar hendaklah memaklumkan sebab-sebab kegagalan kepada pemohon dan pemohon boleh memohon semula jawatan kenaikan pangkat berkenaan **selepas setahun** setelah keputusan dimaklumkan.
- 3.8 Naib Canselor boleh menjemput mana-mana pemohon yang difikirkan layak untuk memohon kenaikan pangkat.

4.0 TAHAP KECEMERLANGAN AKADEMIK

- 4.1 Selain daripada syarat-syarat asas yang dinyatakan oleh skim perkhidmatan, sistem penilaian untuk kenaikan pangkat Guru Bahasa juga adalah berdasarkan kriteria yang dapat memenuhi "tahap kecemerlangan akademik" sepertimana di **Lampiran A**.
- 4.2 Kriteria-kriteria yang dinilai adalah seperti yang dikehendaki dalam skim perkhidmatan Guru Bahasa iaitu :-

4.2.1 Kelulusan akademik

- (i) Bagi kenaikan pangkat ke gred DG52 dan DG54, keutamaan akan diberikan kepada pemohon yang mempunyai kelulusan peringkat Sarjana atau setaraf.

4.2.2 Sahsia

- (i) Pemohon-pemohon perlulah memiliki sahsiah yang bersesuaian dengan profesyennya.
- (ii) Markah penuh untuk pemohon yang memenuhi syarat sahsiah ialah 100%.
- (iii) Aspek-aspek penilaian sahsiah adalah seperti **Lampiran B**.

4.2.3 Prestasi kecemerlangan akademik

- (i) Prestasi Kecemerlangan Akademik pemohon akan dinilai berdasarkan pencapaian yang cemerlang di dalam bidang-bidang berikut :-
 - (a) Pengajaran dan Pembelajaran;
 - (b) Penerbitan;
 - (c) Kepimpinan Akademik dan Sumbangan kepada Universiti;
 - (d) Inovasi Pengajaran;
 - (e) Sumbangan kepada Masyarakat dan Negara; dan
 - (f) Pembangunan Kendiri
- (ii) Setiap bidang kriteria akan dinilai secara kuantitatif dan kualitatif. Aspek-aspek yang dinilai untuk menentukan tahap kecemerlangan akademik dalam bidang-bidang di atas diterangkan di para 4.1.
- (iii) Tahap kecemerlangan akademik ini akan ditentukan berdasarkan laporan Penilai Dalam terhadap pemohon-pemohon.

5.0 PROSES TAPISAN

- 5.1 Pemohon yang layak dan memenuhi kriteria permohonan akan dipertimbangkan untuk penapisan.
- 5.2 Pemohon yang dipertimbangkan untuk penapisan adalah berdasarkan prestasi dan pencapaiannya dalam aspek-aspek yang dinilai di **Lampiran A**.

- 5.3 Pemohon yang lulus penapisan sahaja yang akan dipanggil untuk temu duga oleh Jawatankuasa Pemilih.
- 5.4 Hanya prestasi perkhidmatan dan kemajuan akademik selepas pelantikan pemohon dalam jawatan semasa sahaja yang akan dinilai untuk tujuan pertimbangan kenaikan pangkat.
- 5.5 Dekan/Pengarah di fakulti/pusat akan mengemukakan permohonan pemohon bersama dengan penilaian Ketua Jabatan atau Penyelaras kepada Pejabat Pendaftar untuk proses penapisan.
- 5.6 Permohonan kenaikan pangkat Guru Bahasa perlu melalui perakuan JK Saringan di peringkat fakulti/pusat.
- 5.7 Jawatankuasa Saringan Kenaikan Pangkat Peringkat PTj
 - (i) Peranan Jawatankuasa Saringan Kenaikan Pangkat di peringkat PTj adalah seperti berikut:
 - (a) menyemak dan menapis kelayakan, kesesuaian dan tahap kecemerlangan akademik pemohon mengikut peraturan atau tahap yang ditetapkan;
 - (b) memperakukan dan menentukan nama Penilai Dalaman/Penilai Luar bagi proses penilaian tahap kecemerlangan akademik pemohon; dan
 - (c) memperakukan nama pemohon yang layak
 - (ii) Keanggotaan Jawatankuasa Penapis peringkat PTj bagi jawatan guru bahasa hendaklah terdiri daripada:
 - (a) Dekan sebagai Pengerusi;
 - (b) Timbalan Dekan fakulti/pusat;
 - (c) Ketua Jabatan Bahasa dan Komunikasi;
 - (d) Pengarah Pusat Pembelajaran Bahasa Inggeris (ELC);
 - (e) Seorang Pensyarah Kanan di fakulti/pusat;
 - (f) Penolong Pendaftar sebagai Setiausaha.

*Pengarah Pusat Asasi boleh hadir ke mesyuarat ini bagi permohonan calon daripada pusat asasi tersebut.
 - (iii) Korum mesyuarat Jawatankuasa Penapis peringkat PTj terdiri daripada Pengerusi dan **dua (2)** ahli yang lain.

5.8 Jawatankuasa Penapis Akademik Kenaikan Pangkat (JKPA) UMT

- (i) Peranan Jawatankuasa Penapis Akademik Kenaikan Pangkat (JKPA) adalah seperti berikut:
 - (a) Menyemak dan menapis kelayakan, kesarjanaan, kepimpinan dan tahap kecemerlangan akademik mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti bagi permohonan kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Universiti Gred DS54 (Profesor Madya) dan DS52 serta Gred DG54 (Guru Bahasa) dan ke bawah;
 - (b) Memperakukan nama pemohon yang layak dan sesuai untuk tujuan kenaikan pangkat;
 - (c) Menentukan senarai nama penilai luar bagi proses penilaian tahap kecemerlangan akademik pemohon (kenaikan pangkat Pensyarah Universiti); dan
 - (d) Melantik penilai luar untuk tujuan kenaikan pangkat (kenaikan pangkat Pensyarah Universiti).
- (ii) Keanggotaan Jawatankuasa Penapis Akademik (JKPA) Kenaikan Pangkat UMT terdiri daripada:
 - (a) Ahli Senat bertaraf Profesor sebagai Pengerusi;
 - (b) Dekan Fakulti;
 - (c) Pengarah Institut Penyelidikan/Pusat;
 - (d) Pendaftar;
 - (e) Dua (2) orang ahli Senat bertaraf Profesor;
 - (f) Penolong Pendaftar sebagai Setiausaha.
- (iii) Korum mesyuarat Jawatankuasa Penapis Akademik Kenaikan Pangkat (JKPA) UMT terdiri daripada Pengerusi dan sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli lain.

5.9 Penilai Dalaman untuk urusan kenaikan pangkat jawatan Guru Bahasa ditetapkan seperti mana berikut :-

Gred Kenaikan Pangkat	Bilangan Penilai Dalam
DG44	Seorang Rakan Sejawat (Guru Bahasa)
DG48	Dua (2) orang Rakan Sejawat (Guru Bahasa/Pensyarah Bahasa)
DG52	Dua (2) orang Rakan Sejawat (Guru Bahasa/Pensyarah Bahasa)
DG54	Tiga (3) orang Rakan Sejawat (Guru Bahasa/Pensyarah Bahasa/Komunikasi atau bidang bersesuaian)

- ❖ Markah minimum Penilai Dalamam untuk setiap gred kenaikan pangkat adalah 80%.
- ❖ Tempoh penilaian Penilai Dalamam ialah dua minggu selepas dokumen dihantar.
- ❖ Pelantikan Penilai luar boleh dipertimbangkan sekiranya tiada penilai dalamam.

5.10 Pemohon-pemohon yang lulus penilaian sahaja diperakukan dalam mesyuarat Jawatankuasa Penapis Universiti.

5.11 Carta aliran proses adalah seperti di **Lampiran C**.

6.0 JAWATANKUASA PEMILIH DAN PIHAK BERKUASA MELULUSKAN KENAIKAN PANGKAT

6.1 Jawatankuasa Pemilihan dan Pihak Berkuasa Melantik bagi setiap jawatan kenaikan pangkat Guru Bahasa adalah seperti berikut :-

Gred Kenaikan Pangkat	Jawatankuasa Pemilihan	Pihak Berkuasa Melantik
DG44	Jawatankuasa Pemilihan Jawatan Akademik (JKPJA)	Mesyuarat JK Pengurusan Universiti (MPU)
DG48		
DG52		
DG54		

6.2 Tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat adalah bersamaan dengan tarikh Jawatankuasa Pengurusan Universiti bersidang dan tidak boleh lebih awal daripada tarikh jawatan itu diluluskan atau dikosongkan.

6.3 Segala keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penapis, Pemilihan dan MPU adalah muktamad.

7.0 SENARAI RUJUKAN

Garis panduan ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Eksekutif (JKE) dalam mesyuaratnya Kali Ke-47 (Bil. 10 Tahun 2010) pada 9 Jun 2010 berkuatkuasa pada 1 April 2010.

- Penambahbaikan Garis Panduan dan Kriteria Kenaikan Pangkat Guru Bahasa UMT telah diluluskan oleh Mesyuarat JK Sumber Manusia UMT Kali Ke-24 [Bil. 5 Tahun 2022]

Lampiran A**KRITERIA KENAIKAN PANGKAT GURU BAHASA (DG)**

	GRED KENAIKAN PANGKAT			
	DG44	DG48	DG52	DG54
KOMPONEN A	SYARAT SKIM			
Tempoh Perkhidmatan	<i>Time Based</i> = 5 tahun dalam perkhidmatan DG41	<i>Time Based</i> = 5 tahun dalam perkhidmatan DG44 (fast-track 3 tahun)	<i>Time Based</i> = 5 tahun dalam perkhidmatan DG48 (fast-track 3 tahun)	<i>Time Based</i> = 5 tahun dalam perkhidmatan DG52 (fast-track 3 tahun)
Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT)	Sekurang - kurangnya mendapat wajaran markah prestasi 80% dan ke atas bagi 3 tahun terakhir <u>Wajaran:</u> 45% - Tahun Ketiga (Terkini) 35% - Tahun Kedua 20% - Tahun Pertama *Penetapan wajaran penilaian prestasi adalah merujuk kepada Surat Edaran JPA bertarikh 3 Julai 2009.			
KOMPONEN A	SYARAT KECEMERLANGAN			
Pengajaran dan Pembelajaran	(i) Jumlah Beban Pengajaran minimum kumulatif 150 jam kredit; (ii) Penilaian pengajaran oleh pelajar 3 tahun terakhir iaitu 85% dan ke atas (average); dan (iii) Folio Pengajaran terkini yang disahkan oleh Ketua Jabatan.	(i) Jumlah Beban Pengajaran minimum kumulatif 120 jam kredit; (ii) Penilaian pengajaran oleh pelajar 3 tahun terakhir iaitu 85% dan ke atas (average); dan (iii) Folio Pengajaran terkini yang disahkan oleh Ketua Jabatan.	(i) Jumlah Beban Pengajaran minimum kumulatif 120 jam kredit; (ii) Penilaian pengajaran oleh pelajar 3 tahun terakhir iaitu 90% (average); dan (iii) Folio Pengajaran terkini yang disahkan oleh Ketua Jabatan.	(i) Jumlah Beban Pengajaran minimum kumulatif 120 jam kredit; (ii) Penilaian pengajaran oleh pelajar 3 tahun terakhir iaitu 90% (average); dan (iii) Folio Pengajaran terkini yang disahkan oleh Ketua Jabatan.
Penerbitan	Time Based 1 penerbitan sebagai penulis bersama bagi jurnal berwasit (MyCite)/bab dalam buku; ATAU	Time Based 2 penerbitan sebagai penulis bersama bagi jurnal berwasit (MyCite)/bab dalam buku/prosiding; ATAU	Time Based 2 penerbitan sebagai penulis utama bagi jurnal berwasit (MyCite)/bab dalam buku; ATAU	Time Based 3 penerbitan sebagai penulis utama bagi jurnal berwasit (MyCite)/bab dalam buku; ATAU

	GRED KENAIKAN PANGKAT			
	DG44	DG48	DG52	DG54
	1 penerbitan sebagai penulis bersama bagi modul pengajaran/buku pengajaran *Jurnal berwasit merujuk kepada jurnal terindeks di WoS/Scopus/MyCite	2 penerbitan sebagai penulis bersama bagi modul pengajaran/buku pengajaran Fast Track 1 Penerbitan di dalam WOS/Scopus/MyCite sebagai penulis utama/penulis penghubung (corresponding author); DAN 2 Penerbitan sebagai penulis bersama di dalam jurnal berwasit/bab dalam buku/ modul pengajaran/ buku dalam bidang kepakaran ATAU Kelulusan Sarjana/Ph.D dalam bidang kepakaran (dalam gred semasa) *Jurnal berwasit merujuk kepada jurnal terindeks di WoS/Scopus/MyCite	2 penerbitan sebagai penulis bersama bagi modul pengajaran/buku pengajaran Fast Track 2 Penerbitan di dalam WOS/Scopus/MyCite: 1 penerbitan sebagai penulis utama/ penulis penghubung (corresponding author) dan 1 penerbitan sebagai penulis bersama; ATAU 3 Penerbitan sebagai penulis utama sama ada di dalam jurnal berwasit/bab dalam buku/ modul pengajaran/buku dalam bidang kepakaran; ATAU Kelulusan Sarjana/Ph.D dalam bidang kepakaran (dalam gred semasa) *Jurnal berwasit merujuk kepada jurnal terindeks di WoS/Scopus/MyCite	2 penerbitan sebagai penulis bersama bagi modul pengajaran/buku pengajaran Fast Track 3 Penerbitan di dalam Scopus/WOS/MyCite: 2 penerbitan sebagai penulis utama/corresponding author dan 1 penerbitan sebagai penulis bersama; ATAU 3 penerbitan sebagai penulis utama dan 2 penerbitan sebagai penulis bersama di dalam jurnal berwasit/ bab dalam buku/ modul pengajaran/ buku dalam bidang kepakaran ATAU Kelulusan Sarjana/Ph.D dalam bidang kepakaran (dalam gred semasa) *Jurnal berwasit merujuk kepada jurnal terindeks di WoS/Scopus/MyCite

	GRED KENAikan PANGKAT			
	DG44	DG48	DG52	DG54
Kepimpinan Akademik dan Sumbangan Kepada Universiti	(i) Penglibatan dalam jawatankuasa kerja di peringkat universiti atau fakulti seperti pengiktirafan kepakaran; pemeriksa luar/penilai/juri; penilai penerbitan; jemputan pembentang/penceramah dan pelantikan. (Merujuk kepada jadual kepimpinan akademik RTS)	Time Based (i) Memberi sumbangan berkaitan kepimpinan akademik/kepimpinan pengurusan kepada universiti secara rasmi. Fast Track Kepakaran diiktiraf di peringkat kebangsaan/antarabangsa. (Merujuk kepada jadual kepimpinan akademik RTS)	Time Based (i) Pernah memegang jawatan pentadbiran; atau (ii) Memberi sumbangan berkaitan kepimpinan akademik/kepimpinan pengurusan kepada universiti secara rasmi. Fast Track Kepakaran diiktiraf di peringkat kebangsaan/antarabangsa. (Merujuk kepada jadual kepimpinan akademik RTS)	Time Based (i) Pernah memegang jawatan pentadbiran; atau (ii) Memberi sumbangan berkaitan kepimpinan akademik/kepimpinan pengurusan kepada universiti secara rasmi. Fast Track Kepakaran diiktiraf di peringkat kebangsaan/antarabangsa seperti Penggubal soalan peperiksaan di peringkat nasional, auditor, penggubal, penilai program akademik dan sebagainya. (Merujuk kepada jadual kepimpinan akademik RTS)
Inovasi Pengajaran	1 penyertaan di dalam pertandingan inovasi pengajaran peringkat Fakulti/Universiti.	1 penyertaan di dalam pertandingan inovasi pengajaran peringkat Universiti/ Kebangsaan.	2 penyertaan di dalam pertandingan inovasi pengajaran peringkat Kebangsaan/ Antarabangsa.	2 penyertaan di dalam pertandingan inovasi pengajaran peringkat Kebangsaan/ Antarabangsa.
Sumbangan Kepada Masyarakat dan Negara	(i) Penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan seperti program 'outreach'/ kerja-kerja amal/ badan-badan beruniform/NGO; atau (ii) Penglibatan dalam jawatankuasa kerja peringkat negeri dan negara; atau	(i) Penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan seperti program 'outreach'/ kerja-kerja amal/ badan-badan beruniform/NGO; atau (ii) Penglibatan dalam jawatankuasa kerja peringkat negeri dan negara; atau	(i) Penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan seperti program 'outreach'; atau (ii) Penglibatan dalam kerja-kerja perundingan; atau (iii) Penglibatan dalam jawatankuasa kerja peringkat negeri dan negara; atau	(i) Penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan seperti program 'outreach'; atau (ii) Penglibatan dalam kerja-kerja perundingan; atau (iii) Penglibatan dalam jawatankuasa kerja peringkat negeri dan negara; atau

	GRED KENAIKAN PANGKAT			
	DG44	DG48	DG52	DG54
	(iii) Penglibatan dalam organisasi seperti Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan badan-badan sukan di peringkat negeri dan negara.	(iii) Penglibatan dalam organisasi seperti Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan badan-badan sukan di peringkat negeri dan negara.	(iv) Penglibatan dalam organisasi seperti Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan badan-badan sukan di peringkat negeri dan negara.	(iv) Penglibatan dalam organisasi seperti Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan badan-badan sukan di peringkat negeri dan negara.
Pembangunan Kendiri	Menghadiri kumulatif 20 hari latihan/ seminar/ bengkel berkaitan bidang pengajaran *Satu (1) hari = Lapan (8) jam latihan	(i) Menghadiri kumulatif 20 hari latihan/ seminar/ bengkel berkaitan bidang pengajaran; dan (ii) Menghadiri 1 seminar/ konferensi peringkat kebangsaan *Satu (1) hari = Lapan (8) jam latihan	(i) Menghadiri kumulatif 20 hari latihan/ seminar/ bengkel berkaitan bidang pengajaran; dan (ii) Menghadiri 1 seminar/ konferensi peringkat kebangsaan *Satu (1) hari = Lapan (8) jam latihan	(i) Menghadiri kumulatif 20 hari latihan/ seminar/ bengkel berkaitan bidang pengajaran; dan (ii) Menghadiri 1 seminar/ konferensi peringkat antarabangsa *Satu (1) hari = Lapan (8) jam latihan
KOMPONEN B	PENILAIAN SAHSIAH (%)			
Markah minimum Komponen B untuk pertimbangan	80	80	80	80

Lampiran B

TABURAN MARKAH DAN CARA MENILAI BAGI KRITERIA SAHSIAH

Bil.	Aspek Sahsia	Markah	Markah penuh
1.	Iltizam terhadap tugas/kerja/amanah dalam bidang pengajaran		5
2.	Kesediaan menyumbang idea dan tenaga		5
3.	Keterlibatan/kerjasama dalam aktiviti-aktiviti tambahan Jabatan/Fakulti/Universiti		5
4.	Hubungan dan komunikasi dengan ketua, rakan sekerja dan kakitangan bawahan		5
5.	Kesediaan menerima arahan/teguran		5
6.	Penampilan dan keterampilan diri		5
Jumlah			30
Skor = (Jumlah/30) x 100%			100%

Skala :

5 – Cemerlang

4 – Baik

3 – Sederhana

2 – Kurang Memuaskan

1 - Lemah

Lampiran C

CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT GURU BAHASA

Bil	Keterangan/Tanggungjawab	CartaAlir	T/jawab	Dokumen
1.	Mula Permohonan kenaikan pangkat 1.1 Menyemak syarat berikut: a) Syarat Skim Perkhidmatan b) Syarat Kecemerlangan - Kriteria Kenaikan Pangkat Guru Bahasa mengikut Gred 1.2 Melengkapkan dan menghantar perkara berikut kepada urus setia kenaikan pangkat ahli akademik peringkat PTJ: a) Surat Permohonan Kenaikan Pangkat b) Curriculum Vitae (CV) lengkap dan terkini c) Dokumen sokongan lain (Artikel penerbitan, Contoh-contoh penerbitan akademik (muka hadapan/abstrak) sijil yang berkaitan (jika perlu), senarai tugas dan dokumen lain yang bersesuaian) d) Borang tapisan keutuhan e) Borang pengisytiharan harta (sah dalam tempoh 5 tahun) f) Senarai semak kriteria kenaikan pangkat g) Surat Akuan Pinjaman Pendidikan Institusi/Tabung Pendidikan	<pre> graph TD Start([Mula]) --> 1.1[1.1] 1.1 --> 1.2[1.2] 1.2 --> 2.1{2.1} 2.1 -- Tidak --> 1.2 2.1 -- Ya --> 2.2{2.2} 2.2 -- Tidak Sokong --> 1.2 2.2 -- Sokong --> S1((S1)) </pre>	Calon Calon Urus setia PTJ JK Saringan Peringkat PTJ	- Garis panduan dan Kriteria Kenaikan Pangkat Guru Bahasa - Borang Tapisan Keutuhan - Borang Pengisytiharan Harta - Senarai semak syarat minimum - Surat Akuan Pinjaman Pendidikan Institusi/ Tabung Pendidikan - Senarai Semak Dokumen Permohonan - Senarai Semak Dokumen Permohonan Kenaikan Pangkat GB - Laporan Penilaian Ketua PTJ
2.	Semakan Permohonan dan Penilaian Peringkat PTJ 2.1 Menyemak dokumen yang dihantar oleh calon. 2.2 Menilai dan menyokong permohonan melalui mesyuarat kenaikan pangkat peringkat PTJ.			

Bil	Keterangan/Tanggungjawab	CartaAlir	T/jawab	Dokumen
2.3	Mengemukakan dokumen permohonan lengkap kepada Urus Setia Pusat (Pej. Pendaftar) seperti berikut: a) Senarai semak dokumen permohonan; b) Dokumen 1.2; c) Senarai semak kriteria kenaikan pangkat; d) Laporan Penilaian Ketua PTJ; e) Minit Mesyuarat Saringan Kenaikan Pangkat Peringkat PTJ.	<pre> graph TD S1((S1)) --> 2.3[2.3] 2.3 --> 3.1{3.1} 3.1 -- "Tidak Lengkap" --> 2.3 3.1 -- "Lengkap" --> 3.2[3.2] 3.2 --> 4.1{4.1} 4.1 -- "Tidak Diperaku" --> 4.2[4.2] 4.2 --> 4.1 4.1 -- "Diperaku" --> S2((S1)) </pre>	Urus setia PTJ	▪ Senarai semak dokumen permohonan ▪ Senarai semak kriteria kenaikan pangkat
3.	Semakan Permohonan Peringkat Urus setia Pejabat Pendaftar		Urus setia Pejabat Pendaftar	
3.1	Menyemak kelengkapan dokumen permohonan yang dikemukakan berdasarkan senarai semak dokumen permohonan dan menyemak kriteria kenaikan pangkat mengikut gred.		Urus setia Pejabat Pendaftar	
3.2	Mendapatkan dan menyediakan maklumat berikut: a) Buku Rekod Perkhidmatan (BRP) b) Maklumat staf (Profil Staf) c) Markah penilaian prestasi tahunan (3 tahun terakhir) d) Markah penilaian pengajaran pensyarah (e-SPP) e) Semakan tapisan keutuhan e-STK (SPRM) f) Surat bebas tatatertib g) Surat pengisytiharan harta h) Ringkasan Permohonan		Urus setia Pejabat Pendaftar	
4.	Mesyuarat JK Penapis Akademik Kenaikan Pangkat (JKPA)		JK Penapis Kenaikan Pangkat (JKPA)	
4.1	Menapis dan memperaku kriteria kenaikan pangkat mengikut gred.			
4.2	Menghantar surat makluman status permohonan.			

Bil	Keterangan/Tanggungjawab	CartaAlir	T/jawab	Dokumen
5.	Mesyuarat JK Pemilih Jawatan Akademik (JKPJA) 5.1 Mengadakan sesi temuduga bagi permohonan kenaikan ke gred DG44/48/52/54. 5.2 Mempertimbang dan melulus permohonan kenaikan pangkat. 5.3 Menyediakan kertas perakuan untuk dibawa ke Mesyuarat JK Pengurusan Universiti (MPU) 5.4 Menghantar makluman status permohonan kepada calon.	<pre> graph TD S1((S1)) --> 5.1[5.1] 5.1 --> 5.2{5.2} 5.2 -- "Tidak Diperaku" --> 5.4[5.4] 5.2 -- "Diperaku" --> 5.3[5.3] 5.3 --> 6.1{6.1} 6.1 -- "Tidak Lulus" --> 7.1[7.1] 6.1 -- "Lulus" --> 7.1[7.1] 7.1 --> Tamat([Tamat]) </pre>	(JKPJA) (JKPJA) Urus setia Pejabat Pendaftar Urus setia Pejabat Pendaftar	
6.	Mesyuarat Mesyuarat JK Pengurusan Universiti (MPU) 6.1 Mempertimbang keputusan permohonan kenaikan pangkat berdasarkan perakuan dari Mesyuarat JK Pemilih Jawatan Akademik.			
7.	Keputusan Permohonan Kenaikan Pangkat 7.1 Mengemukakan keputusan permohonan kepada calon selepas minit mesyuarat dikeluarkan dan membuat hebahan kenaikan pangkat kepada warga UMT. Tamat			

Lampiran D

FORMAT CURRICULUM VITAE (CV)

Curriculum Vitae pemohon hendaklah ditaip dalam Bahasa Inggeris menggunakan kertas bersaiz A4 dan mengandungi maklumat-maklumat seperti berikut :-

EXECUTIVE SUMMARY

SECTION I : PERSONAL AND SERVICE PARTICULARS

1. Personal Information (with current picture)
 - Name
 - Department/Faculty/Specialization Field
 - Staff number
 - Date of birth
 - Contact number/email
2. Academic/Professional and other Qualifications (including PTK)
3. Employment Records
 - Date of commencing service
 - Date of confirmation
 - Date of appointment to the current position
 - Salary grade and current withdrawn salary
 - Date of annual salary movement
4. In-Service Academic/Professional Training
5. Awards in Academic/Professional Field
6. Member/Adviser of Professional Organization
7. Consultancy Activities
8. Administrative Duties and other Responsibilities
 - University Level
 - Faculty Level
 - Departmental Level
 - National Level
 - International Level
9. Conferences/Workshop and Seminar Attended

SECTION II : ACADEMIC INFORMATION

1. Teaching
2. Supervision
 - Undergraduate
3. Research Activities
 - Completed
 - On-going
4. International Linkages/Networking
5. Publications
 - Refereed Articles in Journals/Books
 - Research Papers Accepted for Publications
 - Submitted Papers – Under Review
 - Proceeding of Conference/Seminar/Workshop
 - Book of Abstract of Conference/Seminar/Workshop
 - Technical and Consultancy Reports (Reviewed by Steering/Technical Committee)
 - Unpublished Reports/Articles
6. Evaluation Activities
7. Editorial Activities
8. Extension and Public Service
9. Academic Referees
10. Declaration

Lampiran E

CONTOH SURAT PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT GURU BAHASA

UMT/<no. staf>

Tarikh : _____

Pendaftar,
Pejabat Pendaftar,
Universiti Malaysia Terengganu.

Melalui :-
Dekan/Pengarah,
Pusat _____,
Universiti Malaysia Terengganu. } PTj Pemohon

Melalui :-
Ketua,
Jabatan _____,
Pusat _____,
Universiti Malaysia Terengganu. } Jabatan dan
PTj Pemohon

Tuan,

PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN (NAMA JAWATAN DAN GRED YANG DIMOHON)

Saya dengan segala hormatnya, ingin merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan, saya telah memenuhi semua syarat untuk kenaikan pangkat ke jawatan **(Nama Jawatan Dan Gred Yang Dimohon)** dan bidang kepakaran saya ialah **(bidang kepakaran)**. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini saya sertakan salinan biodata terkini (CV) dan salinan dokumen-dokumen yang diperlukan untuk tindakan pihak tuan selanjutnya.

3. Semoga permohonan saya ini mendapat perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya daripada pihak tuan. Segala kerjasama yang diberikan amatlah saya hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

(NAMA PEMOHON)

Jawatan : _____

No. Staf : UMTxxxx